



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi memohon jawatan berikut:

- 1. PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA GRED KP5 (KONTRAK/TETAP)**
 - 2. PEMBANTU PENGUAT KUASA GRED KP1 (KONTRAK/TETAP)**
-

A.

1. JAWATAN	: PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA
KEKOSONGAN JAWATAN	: 02
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
TARAF JAWATAN	: KONTRAK/TETAP
GRED JAWATAN/GAJI	: GRED KP5
	RM1,650.00 – RM6,620.00

SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - Sijil Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik; atau
 - Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - Diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - Berat badan badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - Lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pegawai perubatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(a)(i), 1(a)(ii), 1(a)(iii), 1(a)(v), 1(a)(vi), hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penguatkuasa atau Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, Gred AB22 atau AB26 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau
- (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) Had umur pelantikan;
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

2. JAWATAN	: PEMBANTU PENGUAT KUASA
KEKOSONGAN JAWATAN	: 52
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
TARAF JAWATAN	: KONTRAK/TETAP
GRED JAWATAN/GAJI	: GRED KP1
	RM1,500.00 – RM 4,680.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan ; atau
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- (iii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.; atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

2. Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) Berat badan badan sekurang-kurangnya 48 kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) Lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pegawai perubatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(a)(i), 1(a)(ii), 1(a)(v), 1(a)(vi), hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

B. UMUR

Calon-calon hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

C. CARA MEMOHON

- (i) Kelayakan dan syarat permohonan jawatan kosong ini boleh didapati dengan melayari laman sesawang rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur iaitu www.dbkl.gov.my dan permohonan hendaklah dikemukakan secara **ATAS TALIAN (ONLINE) SAHAJA** dengan menggunakan **Sistem Recruiting DBKL**.
- (ii) Manual Penggunaan Sistem *Recruiting* DBKL boleh dimuat turun di pautan <https://www.dbkl.gov.my/manual-penggunaan-sistem-recruiting-dbkl/> untuk rujukan calon.
- (iii) Semakan pengiktirafan kelayakan sijil/ diploma/ ijazah sarjana muda/ ijazah sarjana boleh dibuat melalui laman web Agensi Kelayakan Malaysia iaitu <https://www2.mqa.gov.my/Esisraf/kelayakan.cfm>
- (iv) Calon **TIDAK PERLU MENGHANTAR** salinan Ijazah, Diploma, SPM, SVM, SKM, Sijil-sijil atau *resume* bagi jawatan berkaitan sehingga dihubungi untuk temu duga.
- (v) Borang permohonan secara *online* yang **tidak lengkap akan ditolak**.
- (vi) Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai pendek sahaja akan dipanggil ke peringkat seterusnya.
- (vii) **Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas ENAM (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah beranggapan bahawa permohonan tuan/puan tidak berjaya.**

TARIKH BUKA IKLAN : 10 OKTOBER 2024
TARIKH TUTUP IKLAN : 25 OKTOBER 2024